



## SIARAN AKHBAR

### **SME VENTURE@ASEAN 2025 TAWAR PELUANG TERBAIK UNTUK PKS TEMBUSI PASARAN EKSPORT**

---

**KUALA LUMPUR, 17 Februari 2025** – SME Venture@ASEAN 2025 anjuran SME Corp. Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) akan diadakan pada 16-18 Oktober 2025 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur. Program ini bakal menjadi salah satu acara utama bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bersempena dengan Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun ini. Majlis Pra-Pelancaran SME Venture@ASEAN 2025 pada hari ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Selain menjadi platform untuk PKS tempatan mempamerkan keupayaan mereka, acara ini menawarkan sesi padanan perniagaan kepada PKS dan syarikat utama dari ASEAN sekaligus membuka peluang untuk mendapatkan perjanjian eksport.

SME Venture@ASEAN 2025 yang bertemakan “*Bringing ASEAN Closer to You*” dijangka menarik lebih 10,000 pengunjung dan lebih daripada 300 pempamer tempatan dan antarabangsa, sebahagian besarnya dari negara anggota ASEAN dan rakan perdagangan. Sepanjang acara tiga hari itu pempamer berpeluang untuk menonjolkan produk dan perkhidmatan inovatif yang menyasarkan kedua-dua segmen iaitu niaga-ke-niaga (B2B) dan niaga-ke-pengguna (B2C). Pameran B2B bertujuan untuk menyerlahkan keupayaan PKS yang mempunyai kapasiti eksport daripada sektor berimpak tinggi seperti elektrik dan elektronik, minyak & gas, bioteknologi, peranti perubatan, aeroangkasa, pelancongan, pertanian pintar, serta industri Halal. Pempamer juga berpeluang menyertai sesi padanan perniagaan yang akan melibatkan 30 syarikat utama (*anchor*) dari ASEAN dan rakan perdagangan.

Segmen B2C pula menampilkan *ASEAN Market Fair* yang dijangka menjadi tarikan utama buat pengunjung dengan menawarkan pelbagai produk pengguna keluaran tempatan dan negara ASEAN seperti minuman & makanan, pakaian, produk kesihatan dan kesejahteraan, kosmetik, kraftangan termasuklah tawaran promosi pelancongan, yang merupakan pengisian khas sempena penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2026. Selain itu, terdapat juga pelbagai aktiviti dan pengisian yang menyokong usaha eksport PKS termasuklah bengkel berkenaan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA),

forum mengenai Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), taklimat bantuan eksport (*pocket talk*), taklimat produk teknologi & pendigitalan (*Tech Spot*), pembentangan (*pitching*) dana eksport serta pelancaran produk.

YB Datuk Ewon Benedick dalam ucapan pra-pelancarannya berkata, “SME Venture@ASEAN 2025 bukan sekadar acara biasa, ia merupakan platform yang direka khas dengan pelbagai aktiviti bagi menyediakan peluang maksimum kepada PMKS untuk menembusi pasaran global. Bagi memastikan keberhasilan (*outcome*) kejayaan PKS tempatan mengeksport ke pasaran ASEAN, sebanyak 200 sesi padanan perniagaan akan diatur. Selain daripada penyertaan PKS ASEAN, pihak Kementerian melalui SME Corp. Malaysia juga komited untuk membawa masuk syarikat utama (*anchor*) dan pembeli (*buyers*) bukan sahaja daripada negara-negara anggota ASEAN, tetapi juga dari negara-negara rakan kerjasama MoU Malaysia seperti Turkiye, Jepun, Arab Saudi, Oman, Georgia dan Kazakhstan”.

Manakala YBrs. Encik Rizal bin Dato’ Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia semasa ucapan aluannya menekankan tentang aspek pengantarabangsaan, “PKS bukan sahaja perlu memberi tumpuan kepada mengukuhkan kedudukan mereka di pasaran domestik bagi melindungi prospek mereka dalam liberalisasi lanskap ekonomi, tetapi pada masa yang sama juga harus bersedia untuk meneroka peluang perniagaan baharu di luar negara. Mereka mesti menanda aras diri dengan pesaing antarabangsa dan bersedia untuk menerima amalan terbaik, melengkapkan diri dengan kemahiran dan kepakaran teknikal yang diperlukan.”

Semasa majlis pra-pelancaran hari ini, YB Datuk Ewon Benedick turut menyaksikan pertukaran Memorandum Perjanjian (MOA) mengenai Program *Export Accelerator* (EAP) antara SME Corp. Malaysia dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Inisiatif EAP diperkenalkan bagi memperkasakan PMKS dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya menembusi pasaran antarabangsa, terutamanya di Jepun.

Turut hadir semasa pra-pelancaran SME Venture@ASEAN 2025 adalah YBhg. Datuk Haji Zamri Bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Usahawan) KUSKOP, YBrs. Puan Noor Afifah Binti Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan) KUSKOP dan YBrs. Encik Rizal bin Dato’ Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.

Jangan lepaskan peluang keemasan ini. Tandakan kalendar anda dan sertai salah satu acara paling menarik tahun ini – SME Venture@ASEAN 2025. Untuk mendaftar atau mendapatkan maklumat lanjut mengenai acara ini, sila layari [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my).

**– TAMAT –**

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasi PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

### **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 603-9213 0077  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**Pengarah**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**  
Tel : 03-2775 6290  
E-mel : [suraini@smecorp.gov.my](mailto:suraini@smecorp.gov.my)